

# Ramai pelajar buru latihan amali di luar negara

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**  
nfathin@sph.com.sg

KIAN ramai pelajar institut pendidikan tinggi memilih untuk mengikuti latihan amali di luar negara di tengah-tengah pasaran pekerjaan yang semakin sengit.

Jumlah pelajar yang memilih laluan tersebut meningkat tahun demi tahun, menurut universiti dan politeknik yang berkongsi tentang trend itu dengan *Berita Harian*.

Pada tahun akademik yang lalu iaitu antara Ogos 2016 dengan Julai 2017, mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) telah mengikuti sekitar 490 latihan amali di 40 negara seluruh dunia.

“Kami perhatikan terdapat peningkatan tahun demi tahun, iaitu secara purata 22 peratus kenaikan dalam jumlah latihan amali yang dilakukan di luar negara dalam tiga tahun akademik yang lalu,” ulas seorang jurucakap NUS.

Di Politeknik Singapura (SP) pula, lebih 400 pelajar telah melakukan latihan amali di luar negara dari 2016 hingga 2018 dan terdapat peningkatan sebanyak 93 peratus pelajar yang melakukan hal tersebut dari 2016 hingga 2017.

Di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), seramai 200 mahasiswa mengikuti latihan amali di luar negara setiap tahun dan sebahagian daripada mereka ditawarkan pekerjaan dengan syarikat yang telah melatih mereka itu, menurut Profesor Kam Chan Hin, Timbalan Provost (Pendidikan), NTU.

Latihan amali di luar negara memberi para pelajar pendedahan kepada dunia pekerjaan yang berbeza sekali gus meluaskan perspektif mereka terhadap alam pekerjaan, tambah beliau.

“Bagi mereka yang berpeluang melakukan latihan amali di luar negara... ia dapat mengembangkan cara pemikiran dan kecerdasan budaya mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam ekonomi global,” ujar Profesor Kam.

Berkongsi pandangan serupa, jurucakap daripada NUS berkata:

“Latihan amali antarabangsa memberi peluang kepada pelajar untuk membangun perspektif dan cara pemikiran global, pada masa yang sama meningkatkan keyakinan mereka berinteraksi dengan orang dari pelbagai budaya dan negara.”

Selain itu, para pelajar ini akan lebih menghargai cabaran bekerja dengan pelbagai budaya berbeza dalam persekitaran yang baru, kata seorang jurucakap SP.

Lantas, universiti dan politeknik di sini mempunyai program tersendiri untuk menawarkan para pelajar mereka peluang mengikuti latihan amali di luar negara.

Misalnya, di NUS, terdapat program Kolej Luar Negara NUS dan program Latihan Amali Global.

Program-program tersebut membolehkan siswa memilih melakukan latihan amali bersama syarikat dalam industri kewangan, teknologi infokom (ICT), pendidikan, media hiburan dan sektor bukan meraih keuntungan, antara lainnya.

Antara negara yang ditawarkan bagi pelajar di universiti dan politeknik melakukan latihan amali mereka termasuk di Jerman, China, Jepun, Switzerland, United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis, Thailand, Hongkong dan India.

---

**Tidak mahu lepas peluang  
keemasan bekerja di PBB**

– Muka 4 & 5



**PELUANG KEEMASAN:** Cik Ijechi Nazirah Nazri Nwaozuzu harus menyesuaikan diri dengan cara bekerja orang di New York, Amerika Syarikat, yang berbeza daripada cara bekerja di Singapura.  
– Foto ihsan IJECHI NAZIRAH NAZRI NWAOUZUZU

# Tidak mahu lepas peluang keemasan bekerja di PBB

BAGI Cik Ijechi Nazirah Nazri Nwaozuzu, peluang bekerja di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) merupakan peluang keemasan yang tidak patut disesikan.

Justeru, apabila ditawarkan menjadi pelatih (*intern*) di Liga Antarabangsa Wanita untuk Keamanan dan Kebebasan PBB, Cik Ijechi, 25 tahun, mengambil kesempatan tersebut dengan tangan terbuka.

Beliau, yang berdarah campur Melayu-Nigeria itu, berbekalkan segala keperluannya lalu berangkat ke New York, Amerika Syarikat, yang menjadi tempat kerjanya selama enam bulan.

Siswazah Universiti Nasional Singapura (NUS) itu yang baru mendapatkan ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian pada Januari lalu diberi peluang menjalani latihan amali (*internship*) bersama PBB dari Januari hingga Jun tahun ini.

“Saya memang berminat dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan (tawaran latihan amali tersebut) merupakan peluang unik bekerja di PBB.

“Memang seronok dapat mengenali dan mempelajari cara-cara di PBB dan pada masa yang sama bertemu orang yang mempunyai minat yang sama,” katanya.

Latihan amali yang dijalannya itu dianggap seperti peluang pembelajaran yang buka mata.

“Saya sudah terbiasa dengan gaya Singapura sama ada daripada segi bekerja ataupun berkomunikasi, tetapi di sana saya belajar menyesuaikan diri dengan cara mereka,” kongsi Cik Ijechi.

Misalnya, jika di Singapura orang lebih mementingkan perincian sesuatu tugas yang dihasilkan, di New York mereka lebih mementingkan cara tugas itu disampaikan.

Malah, antara perkara yang dipelajarinya ialah kepentingan menyampaikan imej diri yang baik kepada orang lain.

“Di Singapura, kita terbiasa dengan idea bahawa prestasi adalah yang pen-

ting, sama ada seseorang itu bagus ataupun tidak adalah berdasarkan prestasinya. “Tapi saya sedar bahawa cara seseorang itu mengetengahkan dirinya, ke-trampilannya, cara dia berinteraksi dengan orang yang tak dikenali, itu semua sangat penting,” ujarnya.

Namun, Cik Ijechi akur perkara tersebut membuat beliau terpaksa keluar daripada zon selesanya kerana ia bukan sesuatu yang menjadi kebiasaan baginya.

Satu lagi perkara yang dipelajarinya ialah berbelanja mengikut bajet yang ketat.

Sementara wang bukan satu kerisauan baginya di sini, di New York beliau seorang diri dan mempunyai wang yang terhad.

“Adakah saya betul-betul memerlukannya?, Di mana saya boleh beli perkakas dapur pada harga lebih rendah?, itu semua menjadi persoalan saya. Saya menyimpan rekod belanja saya dan merancang perbelanjaan saya,” kongsinya yang menghabiskan sekitar AS\$14,000 (\$19,100) secara keseluruhan.

Jumlah tersebut termasuk kos tiket penerbangan, sewa, pengangkutan, makanan dan sebagainya.

Sekitar separuh jumlah tersebut merupakan wangnya sendiri sementara yang lain dibiayai sekolahnya.

Lebih daripada hanya mengikuti latihan amali di PBB, Cik Ijechi turut berpeluang menghadiri acara rangkaian profesional dengan beliau bertemu profesional lain daripada sektor berbeza seperti kewangan dan teknologi.

Mereka masih mengekalkan hubungan hingga hari ini.

Menganggap pengalaman menjalani latihan amali di New York itu sebagai amat berharga, Cik Ijechi berkata:

“Kalau industri yang ingin diceburi lebih bersifat antarabangsa, sudah tentu saya menggalakkan mereka yang berpeluang agar turut menjalani latihan amali di luar negara.”

– Cik Ijechi Nazirah Nazri Nwaozuzu.